

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 OGOS 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Ekonomi dijangka berkembang 4.7%

Ekonomi dijangka berkembang 4.7%

PETALING JAYA - Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka berkembang pada kadar 4.7 peratus tahun ini, sebelum meningkat kepada 4.9 peratus pada 2024, menurut Irhamy Valuers International, yang merupakan sebahagian daripada Juwal IQI.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Irhamy Ahmad berkata, satu cara pihaknya melihat unjuran pertumbuhan berkenaan adalah melalui peningkatan 30 peratus dalam penilaian pekerjaan untuk jentera pembinaan besar dan peralatan kilang.

Jelasnya, syarikat mengantikan jentera mereka untuk meningkatkan produktiviti serta menampung pertumbuhan permintaan dan ia adalah petanda yang sangat baik untuk ekonomi.

"Tiada sesiapa yang boleh memandang mudah prestasi kukuh Malaysia, kerana ekonomi perlu mengatasi kejutan seperti ketidaaan berterusan pelancong China.

"Pelancongan menyumbang 13 peratus kepada aktiviti ekonomi, namun pembelanjaan terbesar (pelawat dari negara China) dari tempoh sebelum Covid-19, belum kembali.

"Pada cuti musim panas sebelum ini, pelawat China hanya mencapai 30 peratus daripada



SEKTOR pekerjaan adalah antara faktor penyumbang kepada pengukuh pertumbuhan ekonomi pada tahun ini dan tahun depan. —GAMBAR HIASAN

tahap sebelum pandemik.

"Berbanding pelancongan, tiga sektor yang memacu pandangan positif kami adalah peralihan kepada sifar bersih tidak hanya memerlukan penggantian penjanaan kuasa semasa kepada alternatif lebih hijau, malah pembinaan kapasiti baharu yang bersifat hijau sejak mula.

Irhamy berkata, perkembangan ekonomi negara memerlukan

lebih banyak tenaga berbanding sebelumnya, jadi peralihan kepada sifar bersih tidak hanya memerlukan penggantian penjanaan kuasa semasa kepada alternatif lebih hijau, malah pembinaan kapasiti baharu yang bersifat hijau sejak mula.

"Ini bermakna pelaburan berjumlah ratusan juta ringgit.

"Selain itu, pusat pembuatan global sedang beralih dari China ke Asia Tenggara dan Malaysia semakin membangun sebagai pangkalan pembuatan.

"Faktor ketiga adalah pertumbuhan kukuh ekonomi digital. Sektor ini menyumbang satu setiap empat ringgit yang dijanaku jelang 2025," ujarnya.



IRHAMY AHMAD